

DATE : 10 JAN 2018  
PUBLICATION : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)  
SECTION : HORIZON  
HEADLINE : SERBA DINAMIK AKAN KUMPUL RM433.88J DARIPADA  
PENEMPATAN PERSENDIRIAN  
CATEGORY : COMPANY  
MEASUREMENT : 33CM<sup>2</sup>  
TONE : NEUTRAL  
REMARKS : NIL

## **Serba Dinamik akan kumpul RM433.88j daripada penempatan persendirian**

**KUALA LUMPUR:** Serba Dinamik Holdings Bhd merancang untuk mengumpul RM433.88 juta daripada cadangan penempatan persendirian sebanyak 133.5 juta saham baharu, mewakili 10 peratus daripada jumlah saham terbitannya.

Harga terbitan indikatif adalah RM3.25 sesaham berdasarkan volum wajaran harga pasaran purata saham Serba Dinamik, kata syarikat perkhidmatan kejuruteraan tersebut dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia semalam.

“Cadangan penempatan persendirian itu akan membolehkan syarikat mengumpul dana yang diperlukan, terutama untuk mem-

biayai perbelanjaan modal kumpulan bagi Taman Eko-Perindustrian Pengerang.

“Ia juga bertujuan bagi membiayai sebahagian daripada pembangunan Pusat Komersial Antarabangsa Pengerang dan bagi memenuhi obligasi masa depan kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahahan di bawah Projek Tanzania,” katanya.

Serba Dinamik berkata, cadangan penempatan itu dijangka selesai pada suku pertama tahun ini.

“Eksesais yang dicadangkan dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan masa depan kumpulan,” tambahnya.  
— Bernama